

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 12 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan pelan strategik pihak Kementerian dalam memastikan rantaian bekalan makanan negara mencukupi dan terjamin semasa dunia menghadapi wabak COVID-19 dan krisis iklim.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) berperanan dalam memastikan rantaian bekalan makanan negara mencukupi dan terjamin dalam apa juu keadaan. Dalam hal ini, Kementerian akan terus menggiatkan usaha bagi meningkatkan tahap pengeluaran makanan negara dan memantapkan rantaian bekalan makanan sebagai langkah persediaan menghadapi krisis seperti wabak COVID-19 dan perubahan iklim.

Sehubungan itu, pelan strategik Kementerian adalah seperti berikut:

1. Merancakkan aktiviti pengeluaran makanan dengan pemberian subsidi / insentif input dan penyediaan khidmat nasihat teknikal;

2. Meningkatkan keberkesanan pengeluaran dengan menambahbaik infrastruktur dan kemudahan seperti jalan dan fasiliti ladang, pengaliran dan saliran kawasan sawah padi serta kompleks dan jeti pendaratan ikan;
3. Meningkatkan kecekapan rantaian bekalan dan logistik melalui kemudahan pusat pengumpulan, penyimpanan, pemprosesan dan pengedaran;
4. Memperluas akses pasaran pengusaha tani melalui outlet pemasaran seperti pasar tani, pasar nelayan, Agrobazaar dan MyFarmOutlet serta menggalakkan penyertaan usahawan dalam platform e-dagang seperti Agrobazaar Online, NEKMATBIZ dan platform kerjasama strategik dengan pihak swasta seperti Lazada dan Shoppe;
5. Melahirkan tenaga kerja yang kompeten dan berdaya saing melalui Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan;
6. Meremajakan sektor pertanian dengan menggalakkan penyertaan golongan muda melalui Program Agropreneur Muda dengan geran *in-kind* dan skim pembiayaan serta latihan teknikal;
7. Menggalakkan aplikasi teknologi moden seperti fertigasi, kilang tanaman, penggunaan dron, sistem pertanian pintar, *artificial intelligence* (AI), *big data* dan *internet of things* (IoT);
8. Melaksanakan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan input pertanian seperti benih dan baka yang mempunyai daya tahan dan kerintangan yang tinggi kepada cuaca melampau dan racun perosak.

Pelan strategik yang saya sebut sebentar tadi akan diterapkan dan diperkasakan dalam Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0) (2021-2030) dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) (2021-2025) yang bakal dilancarkan pada tahun 2021.

Sekian, terima kasih.